

3756/2
Prinsip
Perakaunan
Kertas 2
Ogos
2010
2 $\frac{1}{2}$ jam

**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU****PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2010****SIJIL PELAJARAN MALAYSIA****PRINSIP PERAKAUNAN**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan satu soalan dalam Bahagian B.
2. Bersama dengan kertas soalan ini, tiap-tiap calon diberi alat tulis perakaunan berikut:

Buku Tunai	2 helai
Jurnal	2 helai
Lejar	5 helai
3. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
4. Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.
5. Mulakan tiap-tiap jawapan pada halaman yang baru.
6. Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.

*Disediakan oleh:***GURU AKRAM NEGERI TERENGGANU***Dibiayai oleh:***KERAJAAN NEGERI TERENGGANU****TERENGGANU ANJUNG ILMU***Dicetak Oleh:*

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

Bahagian A
{68 markah}

Jawab semua soalan

- 1 Encik Nuryakin memulakan perniagaan Ajwah Enterprise yang beroperasi sebagai pembekal buah-buahan Timur Tengah pada 1 Jun 2010. Modal perniagaan berjumlah RM50 000 terdiri daripada:

	RM
Tunai di bank	9 200
Tunai di tangan	800
Kenderaan	40 000

Lampiran A menunjukkan dokumen perniagaan Ajwah Enterprise berdasarkan urus niaga sepanjang bulan Jun 2010.

Anda dikehendaki:

- (a) menyediakan catatan dalam buku-buku catatan pertama yang sesuai termasuk Buku Tunai (Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak perlu ditunjukkan). [11 markah]
- (b) memindahkan catatan daripada buku-buku catatan pertama ke lejar. [10 markah]
- (c) mengimbangkan akaun-akaun dan menyediakan Imbangan Duga pada 30 Jun 2010. [7 markah]

- 2 Aidil dan Fitri ialah pekongsi-pekongsi dalam sebuah perniagaan Perkongsian Aidil Fitri yang menjalankan perniagaan di Jalan Tok Lam, Kuala Terengganu. Perjanjian perkongsian mereka telah menetapkan syarat-syarat berikut:

- (i) Faedah atas modal tetap ialah 10% setahun
- (ii) Gaji tahunan pekongsi adalah seperti berikut:

Aidil	RM4 200
Fitri	RM3 600
- (iii) Faedah atas ambilan ialah 5% setahun
- (iv) Pinjaman oleh pekongsi akan dikenakan faedah 8% setahun
- (v) Kongsi untung atau rugi berdasarkan modal tetap

Berikut ialah Imbangan Duga perkongsian pada 30 Jun 2010:

Perkongsian Aidil Fitri			
Imbangan Duga pada 30 Jun 2010			
	RM		RM
Akaun Semasa pada 1 Julai 2009:		Modal pada 1 Julai 2009:	
Fitri	125	Aidil	15 000
		Fitri	10 000
Ambilan Fitri	2 000	Akaun Semasa pada 1 Julai 2009:	
Belian	39 425	Aidil	380
Pulangan jualan	720	Jualan	58 245
Stok pada 1 Julai 2009	6 998	Bank	1 890
Insurans	360	Pemiutang	3 470
Faedah atas pinjaman	400	Peruntukan hutang ragu	350
Tunai	620	Komisen	665
Penghutang	5 360	Pinjaman daripada Aidil	5 000
Gaji pekerja	3 500		
Gaji Aidil	2 400		
Gaji Fitri	3 600		
Belanja elektrik dan air	492		
Alatan pejabat (kos)	4 000		
Kenderaan (kos)	25 000		
	95 000		95 000

Maklumat tambahan:

- (i) Stok pada 30 Jun 2010 dinilai sebanyak RM11 141.
- (ii) Bil-bil elektrik dan air bagi bulan Jun 2010 masih belum dibayar RM38.
- (iii) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (iv) Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan 5% atas penghutang.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Pendapatan dan Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2010
[11 markah]

- (b) Akaun Semasa setiap pekongsi (beruangan)
[4 markah]

- (c) Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2010 (bentuk penyata)
[5 markah]

- 3 Kelab Dondang Sayang, sebuah pertubuhan budaya Taman Desa Puteri Gong Badak Kuala Terengganu menjalankan perniagaan kompiang untuk menambahkan pendapatan kelabnya bagi tahun berakhir 30 Jun 2010.

Maklumat kewangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2010 adalah seperti berikut:

	1 Julai 2009 RM	30 Jun 2010 RM
(i) Baki:		
Bangunan kelab (kos)	40 000	40 000
Perabot (kos)	-	29 000
Pemiutang kompiang	2 920	2 770
Stok	15 860	10 690
Yuran ahli tertunggak	2 420	1 920
Yuran ahli terdahulu	-	480
Akhbar dan majalah belum bayar	120	230
Bank	25 730	11 478
(ii) Penerimaan sepanjang tahun :		
Yuran ahli	7 000	
Yuran masuk	2 000	
Jualan	46 000	
Sewa	1 200	
Derma	5 000	
(iii) Pembayaran sepanjang tahun :		
Penyelenggaraan	5 000	
Pemiutang	20 490	
Akhbar dan majalah	1 532	
Belanja kursus	6 430	
Perabot baru	29 000	
Gaji	6 800	
Kadar bayaran	840	
Belian	5 360	

Maklumat tambahan:

- (i) Sebanyak RM 2 000 daripada gaji adalah upah pekerja kompiang.
 (ii) Perabot disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
 (iii) Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan hasil.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan pemiutang [1 markah]
 (b) Akaun Perdagangan Kompiang bagi tahun berakhir 30 Jun 2010 [3 markah]
 (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2010 [6 markah]
 (d) Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2010 (Bahagian Dana Terkumpul sahaja) [2 markah]

- 4 Matang Maju Sdn. Bhd. dan Jenagor Jaya Sdn. Bhd. merupakan dua buah syarikat yang terlibat dalam industri seramik di Kuala Berang. Maklumat berikut diambil dari buku perniagaan mereka pada 30 Jun 2010:

Matang Maju Sdn. Bhd

	RM
Modal berdaftar	500 000
Modal diterbitkan	140 000
Penghutang	4 780
Untung kasar	58 465
Untung bersih	21 675
Insurans terdahulu	500
Bank	20 365
Stok purata	26 200
Kadar pusing ganti stok	9 kali

Jenagor Jaya Sdn. Bhd

	RM
Modal berdaftar	500 000
Modal diterbitkan	150 000
Penghutang	5 340
Untung kasar	62 870
Pemiutang	17 500
Tokokan	28%
Margin untung bersih	8.35%
Pulangan atas modal	17.76%
Kadar pusing ganti stok	9 kali

Anda dikehendaki:

- (a) menghitung perkara-perkara berikut bagi **Matang Maju Sdn. Bhd.**:

- (i) kos jualan
- (ii) tokokan
- (iii) margin untung kasar
- (iv) pulangan atas modal

(Berikan jawapan anda kepada dua titik perpuluhan yang paling hampir)

[8 markah]

- (b) menentukan perniagaan manakah yang anda pilih untuk melabur. Berikan alasan anda.

[2 markah]

BAHAGIAN B

[12 markah]

Jawab satu soalan sahaja.

- 5 Puan Noor Alia bercadang memulakan perniagaan Noor Collections yang menjual pelbagai barangan cenderamata di bandar Dungun. Pada 1 Oktober 2010 beliau membawa masuk tunai ke bank RM40 000 danengkapan kedai RM12 000 sebagai modal perniagaan.

Berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2010:

- (i) Belian cenderamata pada bulan Oktober RM25 000 dan malar pada bulan November dan akan bertambah sebanyak 10% pada bulan Disember.

- (ii) Anggaran perbelanjaan bulanan:

	RM
Gaji pekerja	1 200
Sewa kedai	650

- (iii) Anggaran jualan tunai bagi bulan Oktober dan November RM18 200 dan RM20 000 masing-masing dan dijangka meningkat 12% pada bulan Disember berbanding bulan sebelumnya.
- (iv) Belanja promosi RM300 untuk bulan November dan akan berkurangan sebanyak 5% pada bulan berikutnya.
- (v) Sebuah komputer RM5 000 dijangka dibeli dalam bulan Disember dengan bayaran pendahuluan sebanyak RM500 dan bakinya dibayar secara ansuran bulanan sebanyak tiga kali bermula bulan Januari 2011.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2010.

[12 markah]

- 6 Syarikat Gagasan Berhad ialah sebuah perniagaan yang mengeluarkan barang permainan kanak-kanak. Maklumat berikut dipetik daripada buku perniagaan tersebut pada 31 Mei 2010 :

	RM
Stok pada 1 Jun 2009 :	
Bahan mentah	8 825
Kerja dalam proses	3 523
Barang siap	3 400
Alat tulis kilang	780
Stok pada 31 Mei 2010:	
Bahan mentah	5 629
Kerja dalam proses	4 564
Barang siap	5 600
Alat tulis kilang	160
Belian bahan mentah	90 826
Insurans atas belian	657
Angkutan keluar	2 387
Angkutan masuk	2 184
Pulangan keluar	546
Upah buruh langsung	38 500
Gaji buruh tak langsung	7 600
Gaji pekerja pejabat	10 200
Bahan tak langsung	900
Sewa	14 600
Kadar bayaran	4 200
Loji dan mesin	120 000
Peruntukan susut nilai loji dan mesin	54 000
Diskaun diberi	1 200
Belanja am:	
Pejabat	2 400
Kilang	1 260

Maklumat tambahan:

- (i) Upah buruh langsung bulan Mei 2010 sebanyak RM3 500 belum dijelaskan.
- (ii) Sewa diagih antara kilang dan pejabat dengan nisbah 3 :1
- (iii) Angkutan masuk RM400 tersalah catat dalam angkutan keluar.
- (v) Loji dan mesin disusutnilai 15% setahun mengikut baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Mei 2010.

12 markah

DOKUMEN PERNIAGAAN

SALINAN **AJWAH ENTERPRISE** No.: 0001/10
 166 Jalan Pejabat
 20100 Kuala Terengganu
 Tel.: 09-6224422

Kepada **BAUCER**
 Teow Ah Seng **PEMBAYARAN** Tarikh: 2 Jun 2010

Bil.	Keterangan	No. Cek	Jumlah (RM)
1.	Bayar sewa kedai bulan Jun 2010	Tunai	500.00
Jumlah			500.00

(Ringgit: Lima ratus sahaja)

Diluluskan oleh:
Nuryakin
 Pengurus

DOKUMEN 1

ASAL **KEDAI ALAT TULIS MEENA** BT: 0943
 567 Jalan Sultan Ismail
 21200 Kuala Terengganu
 Tel.: 09-6200667

Kepada **BIL TUNAI**
 Ajwah Enterprise Tarikh: 3 Jun 2010

Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
3 buah	Buku lejar	35.00	105.00
1 buah	Buku tunai	50.00	50.00
10 buah	Buku resit	3.50	35.00
1 buah	Kalkulator	60.00	60.00
10 buah	Fail kulit keras	3.00	30.00
Jumlah			280.00

(Ringgit: Dua ratus lapan puluh sahaja)

RM280.00
Tunai/No. Cek: -

Shameena
 Pengurus

DOKUMEN 2

ASAL	SHIMA PERABOT Lot 10 Jalan Bandar 20100 Kuala Terengganu Tel.: 09-6228448	No.: 0839				
		Tarikh: 4 Jun 2010				
RESIT RASMI						
Terima daripada	: <i>Ajwah Enterprise</i>					
Ringgit	: <i>Enam ratus lima puluh sahaja.</i>					
Bayaran untuk	: <i>Almari pameran</i>					
<table border="1"> <tr> <td colspan="2" style="text-align: center;">RM650.00</td> </tr> <tr> <td>Tunai /No. Cek:</td> <td>BQMB 463001</td> </tr> </table>		RM650.00		Tunai /No. Cek:	BQMB 463001	<i>Roshaima</i> Pengurus
RM650.00						
Tunai /No. Cek:	BQMB 463001					

DOKUMEN 3

Tarikh	: 6 Jun 2010
Penerima	: <i>Ajwah Enterprise</i>
Kerana	: <i>Kegunaan pejabat</i>
Baki akhir	8 550 00
Dimasukkan	- -
Jumlah	8 550 00
Cek ini	800 00
Baki	7 750 00
No.: 463002	

KERATAN CEK

DOKUMEN 4

ASAL		HIDAYAH KURMA		No.: 6557	
		No. 60 Mezzanine Floor			
		Jalan Tuanku Abdul Rahman			
		50100 Kuala Lumpur			
		Tel.: 03-26937161			
Kepada				INVOIS	
Ajwah Enterprise					
166 Jalan Pejabat					
20100 Kuala Terengganu				Tarikh: 8 Jun 2010	
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM		
8 kotak	Kurma nabi	250.00	2 000.00		
4 kotak	Kurma isi kacang	550.00	2 200.00		
10 kotak	Kurma bardi	150.00	1 500.00		
4 kotak	Pistachious	500.00	2 000.00		
			7 700.00		
Tolak : Diskaun niaga 20%			1 540.00		
Jumlah			6 160.00		

(Ringgit: Enam ribu satu ratus enam puluh sahaja)

Syarat: 10 % 5 hari, 5% 10 hari
 Angkutan dibayar
 K. & K. DiK.

Nuryakin
Penerima

Norezzak
Pengurus

DOKUMEN 5

ASAL		HIDAYAH KURMA		No.: 2341	
		No. 60 Mezzanine Floor			
		Jalan Tuanku Abdul Rahman			
		50100 Kuala Lumpur			
		Tel.: 03-26937161			
Kepada				NOTA DEBIT	
Ajwah Enterprise				Tarikh: 10 Jun 2009	
166 Jalan Pejabat					
20100 Kuala Terengganu					
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)		
20 kg	Kismis golden kuning (Tertinggal catat dalam invois no.6557)	150.00	3 000.00		
			600.00		
Tolak: Diskaun niaga 20%					
Jumlah			2 400.00		

(Ringgit: Dua ribu empat ratus sahaja sahaja)

Syarat: 10 % 5 hari, 5 % 10 hari
 Angkutan dibayar
 K. & K. DiK.

Nuryakin
Penerima

Norezzak
Pengurus

DOKUMEN 6

SALINAN	AJWAH ENTERPRISE 166 Jalan Pejabat 20100 Kuala Terengganu Tel.: 09-6224422	No.: 0001	
Kepada Mehra Shoppe PT1021 Jalan Kemunting 21030 Batu Rakit Kuala Terengganu	INVOIS	Tarikh: 12 Jun 2010	
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
20 kilogram	Kurma nabi	150.00	3 000.00
30 kilogram	Kurma bardi	20.00	600.00
20 kilogram	Kismis golden kuning	150.00	3 000.00
20 kilogram	Pistachious	65.00	1 300.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			7 900.00 790.00
Jumlah			7 110.00

(Ringgit: Tujuh ribu satu ratus sepuluh sahaja)

Syarat: 5 % 5 hari, 2 % 10 hari
Angkutan dibayar
K. & K. DiK.

Sameerah
Penerima

Nuryakin
Pengurus

DOKUMEN 7

ASAL	HIDAYAH KURMA No. 60 Mezzanine Floor Jalan Tuanku Abdul Rahman 50100 Kuala Lumpur Tel.: 03-26937161	No.: 840
		Tarikh: 14 Jun 2010
RESIT RASMI		
Terima daripada	: Ajwah Enterprise	
Ringgit	: Lapan ribu satu ratus tiga puluh dua sahaja.	
Bayaran untuk	: Menjelaskan invoice no. 6557 dan nota debit no.2341.	
	(Diskaun tunai RM428.00)	

RM8 132.00		
Tunai /No. Cek:	BQMB 463003	
		<i>Norezzah</i> Pengurus

DOKUMEN 8

SALINAN

AJWAH ENTERPRISE
166 Jalan Pejabat
20100 Kuala Terengganu
Tel.: 09-6224422

NK: 0001

Kepada
Mehra Shoppe
PT1021 Jalan Kemunting
21030 Batu Rakit
Kuala Terengganu

NOTA KREDIT

Tarikh: 17 Jun 2010

Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:

Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
10 kilogram	Pistachious	65.00	650.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			65.00
Jumlah			585.00

(Barang dipulangkan kerana rosak)
(Ringgit: Lima ratus lapan puluh lima sahaja)

Syarat: 5 % 5 hari, 2 % 10 hari
Angkutan dibayar
K. & K. DiK.

Nuryakin
Pengurus

DOKUMEN 9

AJWAH ENTERPRISE
166 Jalan Pejabat
20100 Kuala Terengganu

Tarikh: 20 Jun 2010

MEMO

Peringatan:
Mendermakan satu kotak kurma isi kacang kepada
Tadika Permata Hati, harga kosnya RM550.00.

Nuryakin
Pengurus

DOKUMEN 10

ASAL	ZAMZAM TRADING		No.: 9860
	4401 Jalan Derang 06400 Pokok Sena Kedah Tel.: 04-7147161		
Kepada Ajwah Enterprise 166 Jalan Pejabat 20100 Kuala Terengganu	INVOIS		Tarikh: 23 Jun 2010
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
2 kotak	Kacang tumbuk	250.00	500.00
4 kotak	Teen kering	220.00	880.00
4 kotak	Teen basah	165.00	660.00
4 kotak	Kiwi kering	250.00	1 000.00
			3 040.00
Tolak : Diskaun niaga 20%			608.00
Jumlah			2 432.00

(Ringgit: Dua ribu empat ratus tiga puluh dua sahaja)

Syarat: 10 % 5 hari, 5% 10 hari
Angkutan dibayar
K. & K. DiK.

Nuryakin
Penerima

Mohsain
Pengurus

DOKUMEN 11

SALINAN	AJWAH ENTERPRISE		No.: 0001
	166 Jalan Pejabat 20100 Kuala Terengganu Tel.: 09-6224422		
			Tarikh: 26 Jun 2010
RESIT RASMI			
Terima daripada	:	<i>Mesra Shoppe</i>	
Ringgit	:	<i>Tiga ribu lima ratus sahaja.</i>	
Bayaran untuk	:	<i>Sebahagian daripada invois no. 0001 dan nota kredit no. 0001</i>	

RM3 500.00	
Tanda /Cek no.:	BKMB 662306

Nuryakin
Tandatangan Pengurus

DOKUMEN 12

SALINAN		AJWAH ENTERPRISE		BT: 0001
		166 Jalan Pejabat		
		20100 Kuala Terengganu		
		Tel.: 09-6224422		
Kepada Cik Chempakasari		JUALAN TUNAI		
Tarikh: 28 Jun 2010				
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM	
20 kilogram	Kurma isi kacang	80.00	1 600.00	
30 kilogram	Teen kering	34.00	1 020.00	
			2 620.00	
Tolak: Diskaun niaga 15%			393.00	
Jumlah			2 227.00	

(Ringgit: Dua ribu dua ratus dua puluh tujuh sahaja)

RM2 227.00		<i>Nuryakin</i> Pengurus
Tunai/Cek no.:	BSMB 340673	

DOKUMEN 13

KERTAS SOALAN TAMAT